

Newspaper	Berita Harian
Date	23 May 2015

Kaji wajib TASKA di tempat kerja

» *Inisiatif bagi capai sasaran 59 peratus wanita dalam pasaran kerja*

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

* **Putrajaya**

Kerajaan mungkin mewajibkan majikan sektor swasta dan awam menyediakan pusat jagaan kanak-kanak atau Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) di premis masing-masing bagi meningkatkan tenaga kerja wanita.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata ia akan

dipertimbangkan bagi mencapai sasaran 59 peratus pembabitan wanita dalam pasaran tenaga keaja.

"Banyak wanita berhenti bekerja atas pelbagai alasan dan penyediaan TASKA antara langkah supaya wanita terpacu untuk menceburi bidang keijayaan," katanya pada pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) antara Pejabat Penasihat Pembangunan Keusahawanan dan Ikh-tisias Wanita (KIW) dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini semalam.

KIW diwakili penasihatnya, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, manakala UKM oleh Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali. Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Dalam pada itu, Najib berkata usaha turut dilakukan bagi menempatkan lebih ramai

pekerja wanita dalam peringkat lembaga pengarah dan pengurusan syarikat senaraian awam.

Latih 900 wanita

"Menerusi usaha KIW, kita sudah melatih 900 wanita yang berpotensi menjadi ahli lem-

Banyak wanita berhenti bekerja atas pelbagai alasan dan penyediaan TASKA antara langkah supaya wanita terpacu menceburi bidang kerjaya"

*Najib Razak
Perdana Menteri*

baga pengarah dan saya harap syarikat senaraian awam boleh membantu.

"Mungkin kita boleh buat padanan antara mereka yang boleh dan layak sebagai lembaga pengarah dengan pihak swasta yang ingin wanita berkenaan menyumbang kepakaran mereka dalam pengendalian syarikat," katanya.

Perkongsian bijak

Sementara itu, Shahrizat berkata, MoU adalah inisiatif KIW mewujudkan asas keijasama melalui perkongsian bijak untuk memacu usahawan dan wanita profesional ke tahap lebih tinggi.

"Wanita diberi pendedahan terhadap konsep, teknik dan ideologi terbaru dan lebih inovatif. Keijasama akan tertumpu kepada mengkaji dan mengenalpasti kaedah bersesuaian dalam memperkasa keupayaan pemikiran golongan profesional dan keusahawanan,

"Antaranya, merancang dan merangka program selain latihan terkini yang diperlukan oleh kumpulan sasar menerusi pembangunan modul, penyelidikan, khidmat komuniti serta perundingan," katanya.